

Keluarga kuat agama tetapi tidak mesra

Kecelaruan tingkah laku berlaku apabila struktur tidak stabil sama ada dalam bentuk berselirat atau terpisah

? Kawan saya datang daripada keluarga yang kuat mengamalkan agama, namun hubungan kekeluargaan mereka amat teruk.

Adik-beradik sebelah ibunya semuanya tidak rapat antara satu sama lain. Mereka terlalu jarang berjumpa, apatah lagi bertegur sapa sedangkan datuk dan neneknya adalah seorang ustaz dan ustazah.

Kawan saya selalu cemburu melihat keluarga orang lain rapat dan mesra.

Pada pendapat Dr, bagaimana untuk mendapatkan keluarga yang bagus dari segi agama dan rapat dalam hubungan kekeluargaan?

SANGAT MENYEDIHKAN, Selangor

! Tentu sekali kawan adik merasa cemburu atas kebahagiaan keluarga lain kerana institusi keluarga menjadi penentu utama kekuatan bangsa yang makmur dan sejahtera. Dalam kehidupan, sebahagian dari kesempurnaan kebahagiaan di dunia adalah memiliki keluarga yang bahagia.

Secara psikologi, individu yang sihat adalah mereka yang datang daripada keluarga bahagia. Individu yang mempunyai keluarga yang bahagia akan merasa dihargai dan mempunyai perasaan mempunyai dan dipunyai (sense of belonging.)

Ahli terapi keluarga seperti Minuchin menjelas-

kan sebuah keluarga yang berfungsi dengan baik ialah sebuah keluarga yang dapat mengendalikan tekanan, konflik dan masalah dengan berkesan dan terus dapat berfungsi sebagai sebuah keluarga.

Minuchin juga berpendapat dalam usaha membolehkan keluarga berfungsi dengan baik, sudah tentu ia bergantung kepada struktur dan kebolehan penyesuaian keluarga tersebut.

Ketidakfungsian dalam keluarga berlaku apabila organisasi sistem keluarga tidak teratur atau bercelaru.

Dalam keadaan ini, keluarga tidak berupaya membina keseimbangan. Ketidakfungsian dalam keluarga berlaku tanpa mengira latar belakang keluarga, sama ada datang dari keluarga yang kuat beragama atau tidak.

Keluarga adik-beradik sebelah ibu kawan adik mempunyai masalah ketidakseimbangan dalam keluarga. Kecelaruan tingkah laku ahli keluarga berlaku apabila struktur keluarga tidak stabil sama ada dalam bentuk berselirat atau terpisah dan tidak berupaya melakukan penyesuaian struktur yang teratur,

Ahli terapi keluarga berusaha mengurangkan

perasaan buntu, marah dan takut dengan menggunakan teknik perhubungan.


Apa yang dimaksudkan ialah interaksi ahli keluarga dapat difahami apabila keluarga berinteraksi atau bertingkah laku dengan baik. Maksudnya ahli keluarga perlu berkomunikasi antara satu sama lain untuk membolehkan dinamik sebuah keluarga berlaku.

Dalam usaha mendapatkan keluarga yang bagus dari segi agama dan rapat dalam hubungan kekeluargaan, banyak pengorbanan dan nilai baik diperlukan.

Kekuatan dan ketabahan diperlukan dalam menjangkau kebahagiaan keluarga.

Semua pasangan suami isteri dan keluarga menginginkan kehidupan rumah tangga bahagia,

"Diriwayatkan dari Abu Hurairah Radhiyallahuanhu bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: Seseorang perempuan itu dipilih untuk menjadi isteri berdasarkan kepada empat ciri iaitu kerana harta bendanya, kerana keturunannya (kemuliaan keturunan), kerana kecantikannya, kerana pegangan agamanya. Kerana itu pilihlah (berikanlah keutamaan) kepada perempuan yang berpegang teguh kepada



agama, nescaya kamu bertuah (beruntung). (Hadith riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim)

Peranan suami dalam membimbing keluarga bahagia amat penting. Suami yang baik adalah ketua dan pemimpin keluarga, suami mengajarkan ahli

keluarga ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah dan tidak membiarkan isteri mereka berada dalam kejahilan. Suami yang soleh juga bertanggungjawab memberi makan, minum, pakaian, kemudahan tempat tinggal, memberikan perlindungan dan melayani

isteri dengan baik.

Sikap penyabar suami sangat perlu dalam menunjukkan contoh yang baik, memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada isterinya, mendidik, menegur isteri dengan penuh berhemah, saling berlapang dada dan pemaaf.

Remaja keliru diri sendiri

? Saya remaja berumur 14 tahun, tetapi tidak tahu siapa diri sebenarnya. Ada waktunya saya suka dan ada waktunya membenci diri sendiri.

Emosi dan perasaan saya tidak keruan. Adakah saya tidak normal orangnya kerana sentiasa keliru dengan diri saya?

Bantu saya Dr. Saya betul-betul buntu memikirkan masalah ini.

REMAJA KELIRU, Perak

! Ahli psikologi perkembangan seperti Erikson menjelaskan, pada peringkat umur seperti

adik, remaja sering berada dalam perasaan kekeliruan.

Remaja ingin mengenal diri. Peringkat ini amat mencabar di mana individu akan berusaha untuk melihat dirinya sebagai unik dan istimewa.

Mereka tertanya-tanya apakah peranan yang boleh mereka mainkan dalam hidup. Jelasnya, mereka sering tertanya-tanya siapa diri mereka.

Perkara ini perlu ditangani dengan baik kerana ia boleh menyumbang kepada tingkah laku negatif.

Di sinilah kadang kala, remaja boleh terbabit dengan gejala yang kurang sihat seperti bohsia dan

mat rempit.

Dalam usaha mengurangkan rasa kekeliruan pada diri, adik perlu buat perancangan yang bijak untuk masa hadapan.

Tingkatkan keyakinan diri untuk berjaya di masa hadapan. Adik perlu masa untuk kenal diri. Babitkan diri dengan aktiviti yang boleh kurangkan rasa kekeliruan.

Cari individu yang adik suka untuk dijadikan idola atau model untuk diikuti. Adik juga perlu sentiasa menunaikan tanggungjawab dalam agama seperti bersembahyang. Semoga adik dapat melalui peringkat perkembangan remaja ini dengan baik.

